



PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ

1.0 OBJEKTIF PERTANDINGAN

Objektif pertandingan ini adalah untuk mendapatkan satu (1) logo Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM)

Berikut merupakan butiran pertandingan tersebut:

2.0 SYARAT – SYARAT PERTANDINGAN

2.1 Penyertaan

Penyertaan pertandingan ini terbuka kepada semua kakitangan UKM dan orang awam. Peserta pertandingan boleh menghantar lebih daripada satu (1) penyertaan.

2.2 Spesifikasi Rekabentuk Logo

- a) Rekabentuk mestilah baru dan asli tidak dceduk / ditiru / diciplak dari mana – mana logo tempatan mahupun dari luar Negara
- b) Saiz logo berukuran saiz Paper A4 (maksimum saiz logo 210mm x 250mm)
- c) Berciri gabungan moden dan futuristik menggambarkan identiti dan imej Hospital Canselor Tuanku Muhriz serta bertetapan dengan objektif pertandingan
- d) Rekabentuk boleh dihasilkan dengan menggunakan perisian Grafik *Adobe Illustrator* (AI)
- e) Penerangan setiap warna dan bentuk yang digunakan di dalam rekaan logo mestilah dinyatakan bersama (maksimum empat warna sahaja)

2.3 Dokumen Permohonan Penyertaan

Setiap peserta yang ingin menyertai pertandingan ini dikehendaki menyediakan dua (2) salinan dokumen – dokumen seperti berikut:

a) **Borang Penyertaan**

Borang adalah seperti yang terdapat di Lampiran A. Hendaklah diisi oleh setiap peserta yang ingin menyertai pertandingan ini. Satu (1) penyertaan satu (1) borang.

b) **Layout/ Design Logo**

Semua ciptaan mestilah asli dan *layout/design* hendaklah direka di atas kertas bersaiz A4 dan diajukan kepada pihak urusetia pertandingan bersama – sama dengan borang penyertaan, design logo (dalam format.ai) dan sesalinan hasil karya dalam bentuk PDF atau JPEG secara *hard copy* atau *soft copy*.

c) Para peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan tetapi hanya satu (1) penyertaan yang terbaik sahaja akan diambil sebagai pemenang.

d) Maklumat peserta hendaklah dicatatkan dengan jelas di belakang hasil karya masing – masing iaitu Nama Penuh;Nombor Kad Pengenalan, Alamat dan No.Telefon.

2.4 Tempoh Penyertaan

Penyertaan dibuka sehingga 15 Ogos 2022 jam 4.00 petang. Sebarang pertanyaan selepas tarikh tersebut tidak akan dilayan oleh pihak urusetia.

2.5 Penilaian Logo

Semua penyertaan adalah tertakluk kepada kelulusan **MUKTAMAD** oleh juri pertandingan. Urusetia pertandingan berhak mengubahsuai dan meminda rekabentuk logo yang disertai sekiranya perlu dan logo yang terpilih akan digunapakai dan menjadi hak milik HCTM. Semua penyertaan akan melalui penelitian terhadap *layout/design* yang dihantar kepada urusetia pertandingan

URUSETIA PERTANDINGAN

Jabatan Pengurusan Fasiliti Bersepadu

(u.p : Puan Nora Shasheela Abdullah)

No. Telefon : 03 – 9145 5102

Emel : shasheela@ppukm.ukm.edu.my